

AQUA CREAM

Emulsifying Wax / White Soft Paraffin / Liquid Paraffin (8% w/w / 12% w/w / 8% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Aqua Cream
2. Bagaimana Aqua Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Aqua Cream
4. Cara menggunakan Aqua Cream
5. Semasa menggunakan Aqua Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Aqua Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Aqua Cream

Aqua Cream merupakan sejenis emolien, untuk melembutkan atau melegakan kulit dalam keadaan kerengsaan kulit.

Bagaimana Aqua Cream berfungsi

Krim yang melembapkan dan melindungi kulit kering.

Sebelum mengambil Aqua Cream

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan guna Aqua Krim jika anda alah terhadap mana-mana bahan yang disenaraikan di hujung risalah ini. Jika anda mengalami tindakbalas alahan, anda mungkin akan mendapat ruam atau gatal-gatal pada kulit.

- *Sebelum mula menggunakan*

Jika anda mengandung atau menyusukan anak, rasa anda mungkin mengandung atau merancang untuk mengandung, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang, baru-baru ini telah mengambil atau mungkin akan mengambil sebarang ubatan yang lain.

Aktiviti hydroxybenzoates (pengawet paraben) boleh terjejas teruk dengan kehadiran bahan kandungan lain. Kemungkinan akan ada penjerapan pada bahan-bahan seperti magnesium trisilicate, aluminium magnesium silicate, talc, polysorbate 80 atau plastik.

Aktiviti boleh terjejas oleh surfaktan bukan ion, minyak pati, atropine, zat besi, sorbitol, alkali lemah dan asid kuat.

Cara menggunakan Aqua Cream

- *Bila perlu digunakan*

Guna ubat ini seperti yang tertera dalam risalah ini atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Langkah pertama, basuh tangan anda dan keringkan di bahagian yang terjejas.

Sapu secara nipis dan sekata ke kawasan yang terjejas 2 hingga 3 kali sehari atau seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Bersihkan sebarang lebihan krim dengan tisu.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Berapa lama anda perlu gunakan krim ini adalah bergantung kepada kadar penambahbaikan keadaan anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jangan bimbang jika anda terlupa untuk menggunakan krim anda pada waktunya. Apabila anda teringat, guna semula seperti biasa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang cara penggunaannya, bincang dengan ahli farmasi anda.

- *Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)*

Dalam situasi yang jarang berlaku di mana anda menggunakan secara berlebihan atau secara tidak sengaja menelan produk ini, sila dapatkan nasihat perubatan.

Semasa menggunakan Aqua Cream

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Aqua Cream.

Elakkan dari terkena pada mata. Jika ini berlaku, bilas kawasan yang terkena dengan air bersih. Aqua Cream adalah untuk penggunaan luaran sahaja.

- *Perkara yang tidak boleh lakukan*

Jangan berhenti gunakan ubat ini melainkan atas arahan doktor.

Jangan guna sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berikan Aqua Cream kepada sesiapa walaupun mereka mempunyai gejala-gejala atau keadaan seperti anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Reaksi hipersensitiviti seperti *contact dermatitis* (kulit menjadi merah dan radang) boleh terjadi dengan pengawet hydroxybenzoates (paraben).

Jika kerengsaan berlaku, berhenti menggunakan Aqua Cream buat sementara.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, ubat ini akan menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jika anda berterusan mendapat ketidakselesaan semasa menggunakan Aqua Cream, basuh krim yang telah disapukan ke kulit dan berhenti untuk beberapa hari dari menggunakannya. Jika kesannya masih ada atau semakin teruk setelah menggunakannya, berhenti dari penggunaan dan minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda. Kesan sampingan krim jarang berlaku apabila digunakan dalam persiapan topikal.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan Malaysia melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Peyimpanan dan perlupusan Aqua Cream

- Peyimpanan

Jauhi ubat-ubatan daripada kanak-kanak. Simpan di tempat kering di bawah suhu 30°C. Simpan bekas yang tertutup jauh daripada haba dan cahaya.

- Perlupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui air kumbahan atau sampah rumah anda. Tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal. Ini adalah untuk menjaga alam sekitar.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada tiub dan karton.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih dan sekata

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
 - i. Emulsifying wax
 - ii. White soft paraffin
 - iii. Liquid paraffin
- Bahan tidak aktif:
 - i. Methyl paraben
 - ii. Propyl paraben
 - iii. Purified water

- MAL number

MAL04125483XZ

Pengilang

Upha Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Seksyen 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Upha Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Seksyen 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Kemaskini RiMUP

15/02/2018

Nombor Siri:

NPRA (R4/1)130218/00046